

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan signifikan usaha sama Kementerian dengan Unit Psikiatri hospital awam menerusi program *RESTART* kepada pesakit-pesakit mental di negeri Sabah bagi mendapatkan peluang kerjaya tanpa memerlukan mereka bermusafir ke Semenanjung.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi program **kembali bekerja atau *RESTART (Re-employment, support, treatment and rehabilitation team)*** sejak tahun 2017.

2. Projek ini bermula dengan pelaksanaan projek secara *pilot* di enam buah hospital dan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari). Signifikan usaha sama Kementerian Sumber Manusia dengan Unit Psikiatri hospital awam ini adalah bagi membantu pesakit yang mengalami masalah mental untuk dipulihkan menerusi Program Sokongan Pekerjaan bagi mengembalikan hak pesakit mental sebagai individu yang berhak diberikan peluang bekerja seterusnya menjalani kehidupan bebas dari stigma dan diskriminasi.

3. Sehingga kini, sebanyak 48 peratus daripada 83 peserta program ini telah dibantu dalam penempatan pekerjaan yang melibatkan bekas pesakit dari enam buah hospital tersebut. Jika projek ini diperluaskan ke Negeri Sabah, para pesakit tidak perlu bermusafir ke Semenanjung bagi mendapatkan pekerjaan yang pastinya akan melibatkan kos sara hidup yang tinggi.

Sekian, terima kasih.